

PM lulus manifesto BN Selangor?

Utusan Online

21 Februari, 2013

Oleh AINUL ASNIERA AHSAN

SHAH ALAM 20 Feb. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak difahamkan telah meluluskan manifesto Barisan Nasional (BN) Selangor yang mendahulukan kepentingan, keperluan, kehendak dan keinginan rakyat Selangor.

Memetik laporan yang dikeluarkan *The Malaysian Times* (TMT), manifesto yang menumpukan kepada penyelesaian isu rakyat itu bakal diiringi dengan beberapa pengumuman istimewa untuk rakyat Selangor selaras dengan gagasan 1Malaysia.

"BN Selangor akan mengemukakan satu manifesto yang lengkap merangkumi janji-janji praktikal yang berhubung kait dengan isu-isu rakyat," menurut laporan itu.

Menurut TMT, manifesto itu dibuat berpandukan kepada kajian sikap yang dilakukan oleh pasukan pemantau khas BN Selangor dengan semua pengundi di 56 Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor.

Dalam laporan itu, TMT turut memetik kenyataan Koordinator BN Selangor, Datuk Seri Ir. Mohd . Zin Mohamad yang berkata, sokongan masyarakat India di Selangor semakin meningkat sejak tahun lalu.

"Kita akan memperhebatkan lagi kempen dalam pusingan terakhir ini. Kita amat yakin dapat mencapai sasaran untuk merampas kembali Selangor," katanya.

TMT memberitahu, BN Selangor kini sedang rancak melakukan persiapan dengan 897 buah Pusat Daerah Mengundi yang telah membuka bilik gerakan masing-masing dan memulakan operasi sejak awal bulan ini di semua 22 kawasan Parlimen dan 56 DUN.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Politik/20130221/po_02/PM-lulus-manifesto-BN-Selangor